

**PANDUAN PENULISAN
TESIS GAYA UIS
(PERINGKAT PASCASISWAZAH)**

**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)**

PANDUAN PENULISAN TESIS GAYA UIS (PERINGKAT PASCASISWAZAH)

**Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Selangor (UIS)**

Cetakan Pertama, 2024

BUKU PANDUAN PENULISAN TESIS GAYA UIS (PERINGKAT PASCASISWAZAH)

Dr. Mohd Faez Ilias
Dr. Fahed Maromar
Dr. Nazneen Ismail
Dr. Mohd Kamarul Khaidzir Saadan
Puan Nurhayati Abdul Ghani
Prof. Madya Dr. Nor 'Adha Ab. Hamid
Dr. Nurzatil Ismah Azizan
Dr. Roslinda Ramli
Dr. Fakhri Sungit
Dr. Noor Raudhiah Abu Bakar
Dr. Noor Aimi Mohamad Puad
©PENERBIT UIS, Universiti Islam Selangor
No. ISBN: 978-629-7518-42-8

Diterbitkan di Malaysia oleh/ Published in Malaysia by:

PENERBIT UIS

D/A PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)

BANDAR SERI PUTRA, 43000 KAJANG, SELANGOR

03- 8911 7000 (1462/3412/3215)

Hakcipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan dalam bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada pengarang dan Penerbit UIS terlebih dahulu.

Dicetak oleh:

Kalam Printing & Resources

No. 29G, Jalan Hentian 4

Pusat Hentian Kajang, Jalan Reko

430000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

03-87415407



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7518-42-8

ISI KANDUNGAN

PRAKATA	iv
<i>Pengarah Pusat Pengajian Siswazah</i>	
PRAKATA	v
<i>Penasihat Jawatankuasa Penggubal dan Semakan</i>	
PRAKATA	vi
<i>Ketua Penggubal</i>	
SENARAI AHLI JAWATANKUASA	vii
BAHAGIAN 1 - PANDUAN UMUM PENULISAN TESIS	1
1.1 Pengenalan Kepada Penulisan Tesis UIS	2
1.2 Spesifikasi Teknikal	3
1.3 Format Tulisan	4
1.4 Cetakan dan Salinan	5
1.5 Naskah Untuk Pemeriksaan	5
1.6 Naskhah Akhir	6
1.7 Keterangan Pada Muka Hadapan (Jilid Kulit Keras)	6
BAHAGIAN 2 - FORMAT KANDUNGAN	11
2.1 Jarak	12
2.2 Penomboran	12
BAHAGIAN 3 - SUSUNAN DAN KANDUNGAN	14
3.1 Susunan	15
3.2 Panjang Teks	34
3.3 Penulisan Bab	35
BAHAGIAN 4 - RUJUKAN DALAM TEKS	44
4.1 Pendahuluan	45
4.2 Sistem Pengarang (Tahun)	45
4.3 Sistem Nota Kaki	49
BAHAGIAN 5 - SENARAI RUJUKAN	51
5.1 Pendahuluan	52
5.2 Transliterasi	52
5.3 Penulisan Tajuk Bahan Rujukan	56
5.4 Senarai Rujukan	57
CARA PENULISAN RUJUKAN LENGKAP:	58
5.5 Buku	58
5.6 Dokumen Awam	62
5.7 Dokumen Awam Yang Tidak Diterbitkan	63
5.8 Makalah Dalam Jurnal	65
5.9 Makalah Dalam Prosiding	66
5.10 Makalah Dalam Majalah /Buletin	66

5.11	Makalah, Berita Dalam Akhbar/Surat Kepada Pengarang	66
5.12	Berita Dalam Akhbar	67
5.13	Filem, Video Dan Slaid	68
5.14	Bahan Tidak Terbit	69
5.15	Bahan Rujukan Elektronik	70
5.16	Rujukan Undang-Undang	71

BIBLIOGRAFI	75
--------------------	-----------

INDEKS

PRAKATA

PENGARAH PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH (PPS)

UIS telah menjadi universiti, justeru pihak UIS menyasarkan 10 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar adalah terdiri daripada pelajar pascasiswazah. Bermula tahun 2019, PPS secara konsisten telah melakukan pelan transformasi agar UIS menjadi destinasi pilihan calon bagi menyambung pengajian pada peringkat pascasiswazah.

Sehingga tahun 2020, UIS mempunyai 21 program pada peringkat Sarjana dan enam program di peringkat Doktor Falsafah. Sehubungan dengan itu, bagi menjaga kualiti akademik serta memenuhi standard program yang telah ditetapkan oleh pihak MQA, PPS telah menerbitkan Buku Panduan Penulisan Pascasiswazah sebagai rujukan utama kepada para pelajar dan penyelia. Penerbitan ini juga adalah selaras dengan tagline PPS UIS iaitu *Inclusive. Systematic. Supportive.*

Buku ini secara eksklusif diterbitkan sebagai panduan kepada para pelajar dan penyelia pascasiswazah berkenaan format penulisan untuk tesis, disertasi, kertas kerja atau tugas program. Selain penerbitan berbentuk Buku, PPS turut berinovasi dengan menyediakan *template softcopy* untuk membantu proses penulisan dan penyeliaan pada sepanjang tempoh pengajian mereka di UIS.

Melalui penerbitan buku ini, PPS ingin merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dan Selawat ke atas Baginda Rasulullah SAW. Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Pengurusan tertinggi UIS yang memberikan galakan serta sokongan, pasukan penggubal Buku Panduan Penulisan Pascasiswazah, pihak Fakulti dan Pusat.

Semoga Allah SWT membetulkan niat kita semua dan usaha kecil ini akan mendapatkan keberkatan serta menjadi amal jariah kita semua nanti insyaAllah. Kepada para pelajar pascasiswazah, diharapkan dapat memanfaatkan buku ini dengan semaksima mungkin. Mohon maaf andai masih lagi ada kekurangan dan itu adalah pasti, makanya PPS sentiasa terbuka untuk menerima sebarang komen dan cadangan kerana *islah* atau sentiasa memperbaiki mutu adalah sesuatu yang dituntut oleh ajaran Islam.

Terima kasih.

PROF. MADYA DR. HAIROL ANUAR BIN HJ MAK DIN
Universiti Islam Selangor (UIS)

PRAKATA

PENASIHAT JAWATANKUASA PENGGUBAL DAN SEMAKAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى آله وصحبه وسلّم.

Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Ketua dan semua ahli Jawatankuasa Penggubal buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS (Peringkat Pascasiswazah) dan semua pihak yang terlibat dalam memastikan penghasilan dan penerbitan buku panduan ini. Penghargaan seharusnya diberikan kepada Ahli Jawatankuasa Penggubal atas kesungguhan dan komitmen dalam menggarap maklumat daripada pelbagai sumber sehingga berjaya menghasilkan satu panduan tersusun dan bermanfaat. Siri-siri bengkel penggubalan buku panduan ini yang dilaksanakan secara tersusun menunjukkan komitmen dan kerjasama semua dalam memastikan penghasilan terbaik.

Buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS (Peringkat Pascasiswazah) ini diharapkan dapat membantu para pelajar pascasiswazah untuk menghasilkan penulisan tesis dengan jayanya. Saya juga mengharapkan agar para pelajar pascasiswazah dapat memahami dan mengikuti standard buku panduan ini dengan bimbingan dan kerjasama penyelia masing-masing. Semoga dengan panduan ini, para pelajar dengan bimbingan penyelia mampu menjayakan matlamat penghasilan penulisan tesis yang berkualiti, menepati gaya akademik yang setanding dengan penulisan peringkat pascasiswazah di peringkat nasional dan antarabangsa.

Semoga Allah SWT mempermudah urusan kita.

Di sini lahirnya... Dai' Ulama & Umarak

PROF. MADYA DR. NOR 'ADHA BINTI AB. HAMID
Universiti Islam Selangor (UIS)

PRAKATA

KETUA PENGGUBAL

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kami dapat menyempurnakan penyusunan buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS (Peringkat Pascasiswazah). Buku ini disiapkan bersama ahli kumpulan dan pihak Pusat Pengajian Siswazah (PPS) dengan rasa tanggungjawab untuk memastikan pelajar pascasiswazah di Universiti Islam Selangor (UIS) dapat dibantu dan dibimbing dengan sebaiknya. Hal ini bertepatan dengan konsep yang ditonjolkan oleh PPS iaitu *Inclusive, Systematic, Supportive*.

Buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS (Peringkat Pascasiswazah) ini mengandungi lima bahagian yang penuh dengan panduan khusus kepada pelajar pascasiswazah dalam membantu dalam urusan teknikal dan susun atur tesis yang telah dihasilkan agar konsisten format yang digunakan oleh semua pelajar. Bermula dengan panduan umum dalam penulisan tesis, bahagian ini memberi penerangan awal berkaitan konsep penulisan tesis yang ditetapkan kepada pelajar. Konsep penulisan tesis ini diteruskan dengan panduan teknikal untuk mengemaskini dan menyusun atur penulisan tesis pelajar melalui penetapan format kandungan, susunan dan isi kandungan, tujuan dalam teks, serta senarai rujukan.

Bagi memudahkan pelajar pascasiswazah mengaplikasikan panduan yang ada di dalam buku Panduan Penulisan Tesis Gaya UIS (Peringkat Pascasiswazah) ini, satu kaedah *formatting* telah disediakan atas usaha pihak PPS dengan bantuan Dr. Mohd Zuli Jaafar. Kaedah ini memudahkan pelajar untuk melaksanakan sendiri *formatting* tesis mereka menggunakan templat tesis versi UIS.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada semua ahli penggubal buku ini diatas usaha yang diberikan sehingga buku ini mampu terhasil. Tidak lupa juga penghargaan kepada semua Ketua Pascasiswazah fakulti/pusat yang memberi input penambahbaikan bagi memurnikan buku panduan ini.

Akhir kata, semoga dengan usaha PPS dalam menghasilkan buku panduan ini dapat memenuhi harapan kita semua dalam menghasilkan graduan yang berkualiti dan berdedikasi dalam menghasilkan penerbitan dan penyelidikan mengikut kepada panduan-panduan yang telah ditetapkan.

Selamat maju jaya dan terima kasih.

DR. MOHD FAEEZ BIN ILIAS
Universiti Islam Selangor (UIS)

SENARAI JAWATANKUASA PENGGUBAL DAN SEMAKAN

PENGARAH

Prof. Madya Dr. Hairol Anuar Mak Din

PENASIHAT

JAWATANKUASA PENGGUBAL DAN SEMAKAN

Prof. Madya Dr. Nor'Adha Ab. Hamid

EDITOR BAHASA

Dr. Abdul Ganing Laengkang

PANEL PENGGUBAL DAN SEMAKAN

Dr. Mohd Faez Ilias

Dr. Fahed Maromar

Dr. Nazneen Ismail

Dr. Mohd Kamarul Khaidzir Saadan

Pn. Nurhayati Abdul Ghani

Prof. Madya Dr. Nor'Adha Ab. Hamid

Dr. Nurzatil Ismah Azizan

Dr. Roslinda Ramli

Dr. Fakhri Sungit

Dr. Noor Raudhiah Abu Bakar

Dr. Nazirah Hamdan

Dr. Noor Aimi Mohamad Puad



**PANDUAN UMUM
PENULISAN TESIS**

BAHAGIAN 1

PANDUAN UMUM PENULISAN TESIS

1.1 PENGENALAN KEPADA PENULISAN TESIS UIS

Buku panduan ini disediakan dengan tujuan untuk membantu para pelajar dalam melengkapkan penulisan tesis mereka. Keperluan bagi format dan bentuk akhir laporan penulisan tesis dijelaskan melalui buku panduan ini. Bagi memudahkan urusan format penulisan para pelajar, pihak Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Universiti Islam Selangor (UIS) telah menyediakan templat tesis UIS yang boleh dimuat turun daripada laman sesawang Pusat Pengajian Siswazah (PPS).

Secara umumnya, penulisan tesis dikaitkan dengan suatu penulisan bersifat akademik yang dihuraikan dalam bentuk laporan dan memaparkan hasil penelitian serta kajian yang dilengkapkan oleh pelajar-pelajar di UIS. Setiap pelajar mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada penyelia mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing. Penyelia membantu merencana dan melaksanakan sehingga lengkap laporan kajian tersebut.

Sehubungan itu, terdapat beberapa jenis penulisan tesis yang diamalkan di UIS, antaranya; jurnal, buku, kertas projek, artikel, kertas kerja, tesis atau disertasi penyelidikan. Namun begitu, jenis penulisan tesis yang diberi perhatian melalui buku ini adalah seperti berikut:

- (a) Kertas Projek Sarjana - Mod Kerja Kursus
- (b) Disertasi Sarjana - Mod Campuran dan Penyelidikan
- (c) Tesis Doktor Falsafah (PhD) - Mod Penyelidikan

1.1.1 Kertas Projek Peringkat Sarjana

Kertas projek merupakan suatu kursus yang diambil oleh pelajar pada peringkat sarjana di UIS. Para pelajar yang diwajibkan untuk melengkapkan kertas projek ini perlu mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing. Kertas projek boleh ditulis berdasarkan pendapat, teori atau kerangka konsep daripada penyelidikan orang lain. Tujuan kertas projek ini ditulis untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang asas penulisan tesis. Pelajar didedahkan dengan kaedah untuk menyediakan satu persembahan penulisan tesis yang baik sebagai satu persediaan awal untuk mereka pergi ke peringkat yang lebih tinggi. Sehubungan itu, penulisan kertas projek melalui gaya penulisan tesis ini akan turut membantu para pelajar menyampaikan penghujahan dan idea-idea secara lebih tesis terhadap sesuatu isu.

1.1.2 Disertasi Sarjana dan Tesis Doktor Falsafah (PhD)

Bentuk penulisan disertasi sarjana adalah lebih terperinci berbanding kertas projek. Penulisan disertasi sarjana dan metodologinya bergantung pada format yang telah ditetapkan oleh pihak Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Skala penelitian bagi disertasi sarjana adalah lebih besar dan lebih mendalam jika dibandingkan dengan kertas projek.

Tesis Doktor Falsafah (PhD) adalah penulisan tesis yang lebih teliti daripada aspek metodologi dan tekniknya. Aspek penting yang perlu dititikberatkan dalam tesis PhD adalah ketepatan terutama dari

segi maklumat kajian dan teori, kaedah pengumpulan data, pensampelan, jenis-jenis analisis yang digunakan, hipotesis-hipotesis, dan kesimpulan daripada hasil dapatan kajian. Setiap penulisan tesis harus dipersembahkan dengan jelas dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan ringkas. Tesis yang bermutu tinggi adalah tesis yang mudah difahami oleh pembaca kepada maksud yang ingin disampaikan oleh pelajar.

Perbezaan antara disertasi sarjana dan tesis PhD adalah bergantung kepada tempoh laporan disiapkan dan secara umumnya tempoh penulisan tesis PhD adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan disertasi sarjana. Tesis PhD memerlukan persembahan idea atau penemuan baharu berdasarkan kepada isu-isu yang lebih sukar yang diketengahkan melalui proses analisis yang sistematik dan disokong oleh penghujahan yang bernas. Selain itu, laporan disertasi sarjana adalah lebih pendek berbanding tesis PhD yang memerlukan laporan yang lebih panjang dan mendalam. Penulisan disertasi sarjana dan tesis PhD di UIS perlu dipersembahkan dalam bentuk laporan bertulis dan wajib dibentangkan di hadapan panel-panel tertentu mengikut bidang kepakaran yang telah ditetapkan oleh pihak PPS. Secara umumnya, idea hasil daripada kajian yang dikemukakan oleh pelajar dijangka dapat membantu menyelesaikan isu yang dihadapi oleh pihak-pihak tertentu.

1.1.3 Etika Penyelidikan

1.1.3.1 Penggunaan Bahan Hak Cipta

Pelajar perlu berhati-hati apabila menggunakan bahan hak cipta seperti petikan pendek penulis lain dengan syarat penulis tersebut diberi penghargaan. Bentuk penghargaan boleh dilakukan sama ada dengan meletakkan nama penulis dan bahan yang dirujuk dalam bahagian rujukan atau bahagian penghargaan laporan penulisan tesis. Surat kebenaran daripada pemilik bahan perlu dilampirkan jika melibatkan penggunaan bahan yang lebih meluas. Kegagalan untuk mencatatkan dengan jujur dan jelas sumber-sumber rujukan boleh menyebabkan pelajar dikenakan tindakan atas salah laku plagiat.

1.1.3.2 Salah Laku Akademik

Salah laku akademik dalam aktiviti penulisan tesis dikaitkan dengan penipuan, plagiarism, pemberian maklumat palsu dan lain-lain yang boleh menyebabkan kekeliruan dan kehilangan keaslian mutu sesebuah penulisan. Kesalahan yang dikaitkan dengan plagiat adalah seperti berikut:

- (a) Petikan tidak diubah dan diambil tetapi sumber-sumbernya tidak diberi penghargaan.
- (b) Petikan diubah dan ditulis tetapi sumber-sumbernya juga tidak diberi penghargaan.
- (c) Perkataan-perkataan dalam petikan ditukar dengan perkataan lain yang sama maksudnya tanpa mengubah susunan ayat sebenar.

Kesalahan salah laku dalam penulisan tesis ini dianggap serius dan pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib yang tegas.

1.2 SPESIFIKASI TEKNIKAL

1.2.1 Saiz Kertas

Bersaiz A4 (210 mm x 297 mm).

1.2.2 Jenis dan Kualiti Kertas

Semua salinan hendaklah menggunakan kertas jenis simili dengan berat 80 gsm.

1.2.3 Warna Kertas

Hanya dibenarkan mengguna warna putih.

1.3 FORMAT TULISAN

1.3.1 Jenis Huruf dan Saiz

Jenis huruf bagi tulisan rumi ialah **Times New Roman** dan bagi tulisan Arab/Jawi ialah **Traditional Arabic** bagi keseluruhan tesis/disertasi.

Saiz huruf bagi tulisan Rumi ialah 12 (kecuali nota kaki bersaiz 10) manakala, huruf bagi tulisan Arab/Jawi ialah 16.

Semua tetapan ini telah disediakan dalam templat tesis versi UIS.

1.3.2 Penulisan Tajuk

Semua tajuk bab dan tajuk utama ditulis dengan huruf besar. Subtajuk hendaklah ditulis dengan huruf kecil.

Kesemua tajuk harus ditulis tebal (*bold*) dan mematuhi antara jarak yang ditetapkan.

1.3.3 Jajaran Teks

Teks hendaklah ditulis jajaran kiri dan kanan.

1.3.4 Selang Baris

Teks am hendaklah ditulis selang satu setengah baris (1.5 *spacing*).

Teks bagi perkara berikut hendaklah ditulis selang satu baris (*single spacing*).

- a) Pengakuan
- b) Penghargaan
- c) Abstrak
- d) Abstract
- e) Kandungan
- f) Senarai Jadual
- g) Senarai Rajah
- h) Senarai Transliterasi*
- i) Senarai Simbol*/ Singkatan/ Tatanama/Istilah
- j) Senarai Kes*
- k) Senarai Statut*
- l) Senarai Lampiran

* bergantung pada keperluan dan kesesuaian bidang

1.3.5 Perenggan

Perenggan yang pertama bagi setiap tajuk hendaklah dimulakan jajaran kiri bagi tulisan Rumi dan jajaran kanan bagi tulisan Arab/Jawi. Ensotan (*tab*) bagi memulakan perenggan seterusnya ialah 1.25 cm dari jarak kiri (tulisan Rumi) dan jarak kanan (tulisan Arab/Jawi). Semua tetapan ini telah disediakan dalam templat tesis UIS.

1.4 CETAKAN DAN SALINAN

Tesis mesti dicetak pada pencetak laser.

Bagi tujuan peperiksaan lisan, cetakan pada **sebelah muka surat sahaja**.

Walau bagaimanapun, cetakan tesis akhir perlu dicetak pada **kedua-dua belah muka surat**.

1.4.1 Cetakan Akhir (Rumi)

Cetak pada kedua-dua belah muka surat dan muka surat setiap permulaan bab hendaklah berada di sebelah kanan apabila tesis dibaca.

1.4.2 Cetakan Akhir (Arab/Jawi)

Cetak pada kedua-dua belah muka surat dan muka surat setiap permulaan bab hendaklah berada di sebelah kiri apabila tesis dibaca.

1.4.3 Kualiti Cetakan

Hasil cetakan yang baik mutunya sahaja akan diterima.

1.5 NASKAH UNTUK PEMERIKSAAN

Calon hendaklah menyerahkan tesis/disertasi yang berjilid (kulit lembut) mengikut bilangan yang ditetapkan kepada Fakulti/Institut/Pusat bagi tujuan pemeriksaan dan peperiksaan lisan (*Viva voce*) yang merangkumi:

1.5.1 Calon PhD harus menyerahkan 5 salinan tesis kepada:

- (a) 2 salinan untuk 2 orang Pemeriksa Luar
- (b) 1 salinan untuk Pemeriksa Dalam
- (c) 1 salinan untuk Pengerusi Peperiksaan Lisan
- (d) 1 salinan untuk Pusat Pengajian Siswazah

1.5.2 Calon Sarjana harus menyerahkan 4 salinan disertasi kepada:

- (a) 1 salinan untuk Pemeriksa Luar
- (b) 1 salinan untuk Pemeriksa Dalam
- (c) 1 salinan untuk Pengerusi Peperiksaan Lisan
- (d) 1 salinan untuk Pusat Pengajian Siswazah

1.6 NASKHAH AKHIR

1.6.1 Naskhah Akhir dan CD-ROM untuk Universiti

Calon hendaklah menyerahkan disertasi/tesis yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Lisan dan berjilid kulit keras sebanyak dua (2) salinan termasuk naskhah asal bersama CD-ROM kepada Pusat Pengajian Siswazah dan Fakulti/Institut/Pusat.

Manakala calon sarjana kerja kursus hendaklah menyerahkan dua (2) salinan kertas projek termasuk naskhah asal bersama CD-ROM kepada Pusat Pengajian Siswazah dan fakulti.

1.6.2 Warna Kulit Naskhah Akhir Berjilid Kulit Keras Tesis

Warna kulit hendaklah seperti yang berikut :

Peringkat	Mod Pengajian	Warna
Doktor Falsafah	Penyelidikan	Hitam
Sarjana	Penyelidikan dan Campuran	Hijau Tua
	Kerja Kursus	Merah Tua (<i>Maroon</i>)

1.7 KETERANGAN PADA MUKA HADAPAN (JILID KULIT KERAS)

1.7.1 Kulit Hadapan

Maklumat hendaklah dicetak dengan huruf besar berwarna emas bersaiz 18 (*font*) bagi Penulisan Tesos dan mengikut susunan seperti berikut:

- (a) **Tajuk Tesis**
Disusun dalam bentuk piramid terbalik – 6.0 cm dari jarak atas
- (b) **Nama penuh calon**
Seperti dalam Mykad/passport
- (c) **UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**
Nama Universiti – 6.0 cm dari jarak bawah

CONTOH : MUKA HADAPAN

**PENGHARMONIAN RANGKA KERJA TADBIR
URUS SYARIAH DALAM PERBANKAN ISLAM
ANTARA NEGARA MALAYSIA DAN
INDONESIA**

NURHASLIZA

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

**THE EFFECTS OF FINANCIAL FREEDOM AND
CORPORATE GOVERNANCE ON THE
RELATIONSHIP BETWEEN FOREIGN BANKS
ENTRY AND MALAYSIAN BANKS
PROFITABILITY**

MOHAMAD SOFUAN BIN MOHAMAD SALEH

UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

1.7.2 Tulang Belakang

Maklumat pada tulang belakang di kulit keras hendaklah dicetak dengan huruf besar berwarna emas bersaiz 18 untuk Doktor Falsafah dan Sarjana mengikut susunan seperti berikut:

- (a) **Nama penulis**
Ditulis 6.0 cm dari jarak atas
- (b) **Ijazah**
Peringkat pengajian ditulis penuh dalam Bahasa Melayu untuk **Sarjana** manakala peringkat Doktor Falsafah ditulis dengan singkatan **PhD**.
- (c) **Tahun Tesis diserahkan**
- (d) **UIS** (Singkatan nama Universiti ditulis 6.0 cm dari jarak bawah)

CONTOH: TULANG BELAKANG SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH

6 cm MOHAMAD SOFUAN MOHAMAD SALEH Sarjana 2023 UTS 6 cm	6 cm MOHAMAD SOFUAN MOHAMAD SALEH PhD 2023 UTS 6 cm
--	--



**FORMAT KANDUNGAN
PENULISAN TESIS**

BAHAGIAN 2

FORMAT KANDUNGAN

Semua format kandungan pada bahagian ini telah dimasukkan dalam templat tesis/disertasi yang telah disediakan oleh Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Templat ini boleh dimuat turun di laman sesawang PPS.

2.1 JARAK

2.1.1 Tulisan Rumi

Penulisan teks tesis/disertasi perlu dipastikan berada pada kedudukan jarak yang sesuai seperti berikut:

- (a) Jarak atas : 2.5 cm dari jarak atas
- (b) Jarak bawah : 2.5 cm dari jarak bawah
- (c) Jarak kanan : 2.5 cm dari jarak kanan
- (d) Jarak kiri : 3.8 cm dari jarak kiri

2.1.2 Tulisan Arab/Jawi

Penulisan teks tesis/disertasi perlu dipastikan berada pada kedudukan jarak yang sesuai seperti berikut:

- (a) Jarak atas : 2.5 cm dari jarak atas
- (b) Jarak bawah : 2.5 cm dari jarak bawah
- (c) Jarak kanan : 3.8 cm dari jarak kanan
- (d) Jarak kiri : 2.5 cm dari jarak kiri

Peringatan:

- (a) Ruang letak jadual dan ilustrasi termasuk keterangan hendaklah mematuhi perkara 2.1.1 atau 2.1.2.
- (b) Perenggan terakhir dalam sesuatu muka surat hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua baris teks bercetak. Jika kurang daripada dua baris, teks tersebut hendaklah dipindahkan ke muka surat berikutnya sebagai perenggan baharu.
- (c) Perkataan terakhir pada baris terakhir sesuatu muka surat tidak boleh menggunakan tanda sempang (-).
- (d) Muka surat baharu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya satu baris teks.

2.2 PENOMBORAN

2.2.1 Nombor Muka Surat

- (a) Tulisan Rumi : nombor muka surat hendaklah berada di sebelah bawah dan di tengah muka surat.
- (b) Tulisan Arab/Jawi : nombor muka surat hendaklah berada di sebelah bawah dan di tengah muka surat.

2.2.2 Jenis Nombor Rumi

- (a) Muka surat permulaan hendaklah dinomborkan dengan angka kecil Roman secara berturut-turut:

- i, ii, iii dan seterusnya. Muka Surat Tajuk adalah halaman “i” tetapi nombornya tidak ditaip.
- (b) Nombor muka surat teks hendaklah menggunakan angka 1, 2, 3 dan seterusnya.
 - (c) Penomboran subtajuk hanya sehingga empat titik perpuluhan sahaja.
 - (d) Subtajuk seterusnya menggunakan abjad kecil (a,b,c) dan subtajuk di bawahnya menggunakan angka kecil Roman (i,ii,iii).

2.2.3 Jenis Nombor Arab/Jawi

- (a) Muka surat permulaan (bermula dari muka surat tajuk) hendaklah dinomborkan dengan menggunakan abjad Arab... ... ا، ب، ج، د
- (b) Nombor muka surat teks hendaklah menggunakan... ١، ٢، ٣



**SUSUNAN & KANDUNGAN
PENULISAN TESIS**

BAHAGIAN 3

SUSUNAN DAN KANDUNGAN

3.1 SUSUNAN

Susunan dan kandungan tesis/disertasi hendaklah mengikut aturan berikut:

- (a) MUKA SURAT TAJUK
(Penulisan dalam bahasa Arab atau bahasa Inggeris, hendaklah diikuti dengan terjemahan dalam bahasa Melayu).
- (b) PENGAKUAN
- (c) PENGHARGAAN
- (d) ABSTRAK
- (e) ABSTRACT
- (f) KANDUNGAN
- (g) SENARAI JADUAL
- (h) SENARAI RAJAH
- (i) SENARAI TRANSLITERASI*
- (j) SENARAI SIMBOL/ SINGKATAN/ TATANAMA/ ISTILAH*
- (k) SENARAI KES*
- (l) SENARAI STATUT*
- (m) SENARAI LAMPIRAN
- (n) TEKS (Senarai bab yang terkandung dalam tesis/disertasi)
- (o) RUJUKAN
- (p) LAMPIRAN

**bergantung pada kesesuaian dan keperluan bidang*

3.1.1 Muka Surat Tajuk

Muka Surat Tajuk ditaip selang satu baris (*single spacing*) menggunakan huruf besar dan mengandungi maklumat yang ada dalam templat tesis UIS seperti berikut:

- (a) Tajuk Tesis (ditulis dalam bentuk piramid terbalik)
- (b) Nama penuh calon (mengikut kad pengenalan atau Mykad atau passport)
- (c) Tujuan penulisan dikemukakan
- (d) Nama fakulti yang menganugerahkan ijazah
- (e) Nama Universiti
- (f) Tahun penyerahan.

Tiada langkau di antara nama Fakulti/Institut/Pusat dan nama Universiti.

CONTOH: MUKA SURAT TAJUK BAHAGIAN DALAM TESIS

**THE SATISFACTION AND COMMITMENT TOWARDS MUSLIM
FRIENDLY HOTEL (MFH) CONCEPT IN MALAYSIA AND ITS
RELATIONSHIP TO BUSINESS SUSTAINABILITY:
THE MODERATING ROLE OF
COMPETITIVE ADVANTAGE**

NUR-IMAN BIN HASHIM

**THESIS SUBMITTED FOR THE DEGREE OF DOCTOR OF
PHILOSOPHY**

**FACULTY OF MANAGEMENT AND MUAMALAH
UNIVERSITI ISLAM SELANGOR**

2023

3.1.2 Pengakuan

Pengakuan hendaklah pada muka surat baharu selepas muka surat tajuk. Ditaip di tengah-tengah muka surat tersebut. Perkataan pengakuan, tarikh, nama calon dan No. Matrik hendaklah huruf tebal (bold).

CONTOH: PENGAKUAN BAHASA MELAYU

PENGAKUAN	
Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.	
5 Mei 2023	NORUL HUDA BINTI BAKAR 13PI01015P

CONTOH: BAHASA INGGERIS

DECLARATION	
I hereby declare that the work in this thesis is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.	
7 November 2023	NUR-IMAN BIN HASHIM 19PB01001

CONTOH: BAHASA ARAB

الإقرار	
إني أقتر بأن هذا البحث ثمره عملي وجهدي إلا المقتطفات والمختصرات التي أحلت من مصادرها ومراجعتها	
يعقوب بن حسن	2017/10/9م
13PI01001P	

3.1.3 Penghargaan

Penyataan penghargaan terhadap sebarang bantuan yang diberikan kepada calon oleh ahli keluarga, orang perseorangan atau pertubuhan dalam penyediaan tesis/disertasi. Perkataan PENGHARGAAN dan teksnya ditulis dengan format yang telah disediakan dalam templat tesis UIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin* : 3.0 cm
- (b) *Align text* : *Center*
- (c) *Line spacing* : 1.0

CONTOH: PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Segala puja dan puji ditujukan khusus buat *Rabbul Jalil* kerana dengan kasih dan rahmatNya mengizinkan saya menyiapkan kajian ini. Selawat dan salam buat kekasih yang dirindui junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, kaum keluarga dan para sahabat baginda yang diredai Allah SWT semuanya.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada dua orang penyelia yang sangat saya hormati dan kasihi iaitu Yang Berbahagia Prof. Madya Dr Mariam Abdul Majid dan Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Hasnan Kasan di atas kesediaan dan kesetiaan menyelia saya sehingga ke noktah terakhir. Tanpa jemu dan lelah mendidik, memotivasikan dan menginspirasi saya untuk terus kuat mengharungi cabaran pangajian. Semoga semua kasih sayang yang diberikan kepada saya ini dibalas oleh Allah SWT dengan sebaik-baik ganjaran Syurga Firdausi.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang memberikan peluang kepada saya menyambung pengajian seterusnya menaja pembiayaan sepanjang pengajian saya. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada seluruh warga Fakulti Syariah dan Undang-undang khususnya Jabatan Undang-undang yang selalu memberikan sokongan mental dan moral kepada saya sepanjang pengajian saya ini.

Ucapan terima kasih istimewa diucapkan buat suami tercinta Dzailqumar bin Hasan yang sentiasa memahami, membantu, mendorong, menguatkan dan menenangkan sepanjang perjalanan pengajian saya ini. Terima kasih juga buat anak-anak kecintaan Qurratul Ain, Hurun Ain, Ainun Jariah, Ahmad Hasan, Ainun Mardhiah dan Muhammad Husin yang selalu memahami dan memberi motivasi kepada saya. Tidak dilupakan bonda-bonda kesayangan Zinab Amil dan Safiah Abdul Rahman yang tanpa jemu menitip doa buat anakandanya ini. Begitu juga kepada semua adik beradik yang sentiasa menyokong dan mempercayai saya.

Jutaan terima kasih juga ditujukan buat sahabat-sahabat seperjuangan yang dicintai lagi dikasihi iaitu Dr. Nazneen, Dr. Suriani, Dr Azizah, Dr. Rohana, Dr. Noor Syahida, Ustazah Nurhayati kerana sentiasa bersama membahagiakan dan menguatkan saya untuk menamatkan perjuangan ini. Terakhirnya, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sepanjang saya menjalankan kajian terutamanya panel pakar dan peserta kajian yang membantu dan memberikan kerjasama yang sangat baik kepada saya. Semoga Allah SWT mengurniakan seluruh kebaikan dunia dan akhirat buat kalian. Terima kasih.

3.1.4 Abstrak dan Terjemahannya

Abstrak hendaklah ditulis dalam satu perenggan, selang satu baris (*single spacing*) pada muka surat baharu selepas muka surat penghargaan. Perkataan ABSTRAK dan teksnya ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis UIS berikut:

- (a) Perkataan ABSTRAK ditaip 3.0 cm dari jarak atas (*Upper margin: 3.0 cm*)
- (b) Perkataan ABSTRAK ditaip pada jajaran tengah muka surat (*Align text: center*)
- (c) Jarak tajuk ABSTRAK dengan ayat pada baris pertama karangan abstrak penuh ialah 3 *enters*
- (d) Panjang teks abstrak: 200-300 patah perkataan dan ditulis dalam satu muka surat sahaja

Abstrak hendaklah merangkumi maklumat berikut:

- (a) Pengenalan (isu, permasalahan)
- (b) Objektif kajian
- (c) Metodologi kajian
- (d) Hasil kajian
- (e) Implikasi kajian
- (f) Kesimpulan

Bahasa yang digunakan dalam penulisan abstrak adalah bergantung kepada bahasa yang digunakan dalam penulisan tesis seperti berikut:

Bahasa Penulisan Tesis/Disertasi	Bahasa Penulisan ABSTRAK
Bahasa Melayu	Bahasa Melayu (Abstrak) Bahasa Inggeris (Terjemahan)
Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris (Abstrak) Bahasa Melayu (Terjemahan)
Bahasa Arab	Bahasa Arab (Abstrak) Bahasa Melayu (Terjemahan) Bahasa Inggeris (Terjemahan)

CONTOH: ABSTRAK BAHASA MELAYU

**PENGHARMONIAN RANGKA KERJA TADBIR
URUS SYARIAH DALAM PERBANKAN ISLAM
ANTARA NEGARA MALAYSIA DAN
INDONESIA**

ABSTRAK

Tadbir urus Syariah merupakan suatu pengaturan organisasi dalam perbankan dan kewangan Islam. Meningkatnya pasaran kewangan global mengakibatkan produk dan amalan dalam perbankan Islam dimanfaatkan oleh pelbagai pelanggan di seluruh dunia. Sehingga memerlukan pengawasan yang baik supaya setiap operasi dan aktiviti yang dijalankan selari dengan prinsip Syariah. Memandangkan kerangka tadbir urus syariah setiap negara berbeza maka, hal ini menimbulkan kekeliruan dan membawa impak yang buruk terhadap perkembangan dan menjejaskan prestasi kewangan Islam. Oleh sebab itu perlu adanya pelaksanaan ke arah pengharmonian tadbir urus Syariah antara negara. Memandangkan negara Malaysia dan Indonesia merupakan negara-negara Asia Tenggara yang mengekalkan kedudukan teratas dengan jumlah skor IFDI tertinggi selama dua tahun berturut-turut, maka sehubungan dengan itu, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mencadangkan pengharmonian yang boleh dilaksanakan dalam tadbir urus perbankan Islam dengan memfokuskan kepada tiga aspek iaitu struktur, proses dan fungsi. Di samping itu, kajian ini juga memberi tumpuan kepada dua objektif utama iaitu mengkaji piawaian tadbir urus Syariah yang wujud di peringkat global dan menganalisis perbezaan tadbir urus perbankan Islam di negara Malaysia dan Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur (*semi structured*). Kesahan data dilaksanakan dengan cara melakukan temu bual mendalam (*indepth interview*) bersama informan kajian, sehingga data yang diperolehi dapat disahkan oleh informan dari negara lain. Secara keseluruhannya walaupun terdapat cabaran ke arah pengharmonian disebabkan oleh perbezaan peraturan di negara masing-masing namun, kajian ini menunjukkan bahawa pengharmonian tadbir urus perbankan Islam dari aspek struktur, proses dan fungsi antara negara Malaysia dan Indonesia dapat dilaksanakan. Seterusnya pendekatan bagi mengharmonikan tadbir urus juga dapat dilakukan pada perkara-perkara yang boleh meningkatkan keefisienan tadbir urus Syariah seperti menyesuaikan amalan tadbir urus yang terbaik, melaksanakan pertukaran perniagaan produk perbankan Islam, pertukaran ahli jawatankuasa Syariah, meningkatkan sifat hormat-menghormati antara kedua negara, menjadikan resolusi muzakarah sebagai rujukan, dan memperbanyakkan kajian penyelidikan perbandingan antara kedua-dua negara.

CONTOH: ABSTRAK BAHASA INGGERIS

**THE SATISFACTION AND COMMITMENT TOWARDS MUSLIM
FRIENDLY HOTEL (MFH) CONCEPT IN MALAYSIA AND ITS
RELATIONSHIP TO BUSINESS SUSTAINABILITY:
THE MODERATING ROLE OF
COMPETITIVE ADVANTAGE**

ABSTRACT

The Muslim-Friendly Hotel (MFH) concept has now gained popularity for adoption by hotel operators in Malaysia. Nevertheless, the popularity gained by the MFH concept appears to have the potential to create intense competition among hotel operators that offers similar products and services in the same market. Consequently, this research was conducted to understand the business sustainability of hotel operators in Malaysia who adopted the MFH concept in their operations. The correlational research design was utilised in this research to; (1) examine the relationship between satisfaction towards the MFH concept and commitment to implementing the MFH concept, (2) examine the relationship between commitment to implementing the MFH concept and business sustainability after implementing the MFH concept, (3) analyse the mediating role of commitment to implementing the MFH concept in the relationship between satisfaction towards the MFH concept and business sustainability after implementing the MFH concept and, (4) analyse the moderating role of competitive advantage in the relationship between commitment to implementing the MFH concept and business sustainability after implementing the MFH concept. As a result of utilising SmartPLS 3.29 to analyse the information provided by 210 hotel operators in Malaysia who adopted the MFH concept into their operations, this research discovered that; (1) there is a significant relationship between satisfaction and commitment, (2) there is a significant relationship between commitment and business sustainability, (3) commitment mediated the relationship between satisfaction and business sustainability and, (4) competitive advantage does not moderate the relationship between commitment and business sustainability. Significantly, such discoveries have made this research empirically contributed insights on the business sustainability of hotel operators in Malaysia who adopted the MFH concept, as well as offering theoretical contributions and practical values to stakeholders of Islamic-related hotels via the MFH concept.

CONTOH: ABSTRAK BAHASA ARAB

التصريف في اللهجة الحجازية الحضرية والعربية الفصحى: (دراسة مقارنة)

الملخص

تجمع منطقة الحجاز ولا سيما مكة المكرمة والمدينة المنورة جميع شعوب العالم المسلمة لكونها منطقة مقدسة وفيها قبلة المسلمين، ويستخدم أهلها لهجة خاصة تختلف عن اللغة العربية الفصحى في بعض الجوانب التي تتعلق بالأصوات وتصريف الكلمات والألفاظ، وتأتي هذه الدراسة المعنية بالتصريف في اللهجة الحجازية للموازنة بينها وبين قواعد صرف العربية الفصحى لمعرفة جوانب التشابه والاختلاف، وقد تطرق الباحث بداية إلى دراسة آراء الباحثين القدامى والمحدثين في أصل اللغة العربية ونشأة اللغة العربية الفصحى ولهجاتها الحديثة من خلال المنهج التاريخي، كما استعان الباحث بالمنهج الوصفي والمقارن لدراسة ظاهرة الاختلاف بين النظامين من الناحية الصرفية من خلال منهج السماع الذي يستند على التسجيل المبني على المشافهة عبر برنامج التواصل الاجتماعي مع مجموعة أشخاص ينتسبون إلى أرض الحجاز، وذلك بغية الوصول إلى تفعيد القواعد الصرفية الحجازية. ومن أهم النتائج التي توصلت إليها الدراسة أنّ اللهجة الحجازية الحضرية هي لهجة من اللهجات العربية الحديثة التي تكونت نتيجة نزوح العرب من القبائل المختلفة إلى أرض البلاد الأجنبية المغزوة في عصر الفتوحات الإسلامية والعيش مع أهلها وهجرة بعض مسلمي تلك البلاد المغزوة وغير المغزوة إلى أرض الحجاز والبقاء فيها لمدة طويلة وخضوع المنطقة للحكم العثماني الذي دام أكثر من أربعة قرون. كما أنّ الدراسة توصلت إلى أنّ الحجازيين الحضريين لا يستخدمون حرف (الهاء) وحرف (الظاء) وحرف (الصاد)، وحرف (القاف)، كما يدلون حرف (الهمزة) في بعض المواضع بحرف (الياء)، وفي مواضع أخرى يدلونها بحرف (الألف)، كما أهملت الحجازية الإعراب وأصبحت تسكن آخر حرف الفعل سواء أكان الفعل ماضيًا أم مضارعًا أم أمرًا.

3.1.5 Kandungan

Kandungan hendaklah dimulakan pada muka surat baharu. Perkataan KANDUNGAN dan teksnya ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis UIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.5*

Tajuk PENGAKUAN hingga SENARAI LAMPIRAN hendaklah menggunakan format selang 1.5 *spacing*.

Selang baris dan jarak antara satu sama lain dalam penulisan kandungan bab boleh dilihat dalam contoh format kandungan di bawah.

CONTOH: FORMAT KANDUNGAN

TABLE OF CONTENT

	Page
DECLARATION	ii
ACKNOWLEDGEMENTS	iii
ABSTRACT	iv
ABSTRAK	v
TABLE OF CONTENT	vi
LIST OF TABLES	xi
LIST OF FIGURES	xii
LIST OF SYMBOLS	xiii
LIST OF ABBREVIATIONS	xiv
CHAPTER 1 INTRODUCTION	1
1.1 Introduction	1
1.2 Background of the Study	1
1.3 Statement of the Problem	4
1.4 Research Objectives	6
1.5 Research Questions	7
1.6 Scope of the Study	7
1.7 Conceptual Framework	8
1.8 Methodology	9
1.9 Significance of the Study	11
1.10 Organization of the Chapters	13
CHAPTER 2 LITERATURE REVIEW	14
2.1 Introduction	14

1.8	Batasan Kajian	21
1.9	Definisi Operasi Kajian	22
1.9.1	Model	22
1.9.2	Pembangunan	23
1.9.3	Hidup Beragama	23
1.9.4	Mahasiswa	24
1.9.5	Institut Pengajian Tinggi Islam	25
1.10	Kerangka Teori Kajian	25
1.11	Kerangka Konseptual Kajian	26
1.12	Kesimpulan	29
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	31
2.1	Pendahuluan	31
2.2	Konsep Pembangunan Hidup Beragama	31
2.2.1	Definisi Pembangunan Hidup beragama.	32
2.2.2	Asas Pembangunan Hidup Beragama	42
2.2.3	Dimensi Pembangunan Hidup Beragama	46
2.3	Konsep Mahasiswa	62
2.4	Kerangka Teoritikal Pembangunan Hidup Beragama	65
2.4.1	Model Hidup Beragama Islam	65
2.4.2	Model Penghayatan Akidah	68
2.4.3	Model Penghayatan Ibadah	70
2.4.4	Model Pembentukan Akhlak	71
2.5	Komponen Pembangunan Hidup Beragama	73
2.5.1	Tasawwur	73
2.5.2	Perasaan	76
2.5.3	Amalan	77
2.5.4	<i>Mujāhadah</i>	77

3.1.6 Senarai Jadual

Senarai jadual hendaklah dimulakan pada muka surat baharu. Perkataan SENARAI JADUAL dan teksnya hendaklah ditulis dengan format yang disediakan dalam templat tesis UIS seperti contoh berikut:

- (a) *Upper margin: 3.0 cm*
- (b) *Align text: center*
- (c) *Line spacing: 1.5*

Selang baris dan jarak antara satu sama lain. No. Jadual (Letakkan perkataan Jadual di hadapan nombor) dan Nama Jadual boleh dilihat dalam contoh format Senarai Jadual di bawah. Senarai Jadual mengandungi tajuk jadual seperti dalam tesis/disertasi serta dinomborkan mengikut bab.

CONTOH: SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL		
Jadual	Tajuk	Muka surat
Jadual 1. 1	Indikator Perkembangan Kewangan Islam (2020)	11
